



اونيورسيتي مليسيا فهغ السلطان عبد الله
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

**GARIS PANDUAN PENILAIAN RISIKO AWAL (PRA)
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH
(UMPSA)**



1. Pengenalan

Unit Pengurusan Risiko (UPR) Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) bertanggungjawab menyelaraskan pelaksanaan pengurusan risiko universiti secara menyeluruh, sistematik dan berterusan. Penilaian Risiko Awal (PRA) diwujudkan sebagai mekanisme saringan awal bagi menilai implikasi risiko sesuatu cadangan sebelum komitmen sumber dibuat dan sebelum kertas kerja dibentangkan untuk kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) dan/atau Lembaga Pengarah UMPSA (LPU UMPSA).

2. Objektif

Garis panduan ini bertujuan untuk:

- a. Menyediakan pendekatan standard penilaian risiko awal bagi kertas kerja yang hendak dibentangkan kepada pihak pengurusan UMPSA;
- b. Mengenal pasti risiko signifikan secara awal, berfakta dan boleh disahkan;
- c. Menentukan keperluan Penilaian Risiko Terperinci (PRT);
- d. Menyokong proses membuat keputusan yang telus dan berasaskan risiko;
- e. Mengurangkan pendedahan universiti kepada risiko kewangan, operasi, pematuhan dan reputasi.

3. Skop Pemakaian

Garis panduan ini terpakai kepada semua kertas kerja yang:

- a. memerlukan kelulusan JKPU dan/atau LPU UMPSA;
- b. melibatkan komitmen kewangan, sumber manusia atau aset universiti;
- c. melibatkan kerjasama, perjanjian atau obligasi dengan pihak luar;
- d. memberi implikasi kepada reputasi, operasi, pematuhan atau hala tuju strategik universiti.

4. Tarikh Kuat Kuasa

Garis panduan ini berkuat kuasa mulai 1 April 2026 dan hendaklah dipatuhi oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTj) di UMPSA

5. Tafsiran

a. Penilaian Risiko Awal (PRA):

Proses saringan awal untuk menentukan tahap risiko dan keperluan Penilaian Risiko Terperinci (PRT).

b. Penilaian Risiko Terperinci (PRT):

Analisis risiko mendalam merangkumi senarai risiko, punca, kawalan sedia ada, penarafan kebarangkalian dan impak, pelan mitigasi, pemilik risiko, tarikh sasaran dan risiko baki.

c. Pusat Tanggung jawab (PTj):

Fakulti, pusat, jabatan atau unit yang mencadangkan program atau projek.

d. Pemilik Kertas Kerja:

Pegawai yang menyediakan dan bertanggungjawab terhadap maklumat cadangan.

- e. **Pemilik Risiko:**
Pegawai yang dipertanggungjawabkan mengurus, melaksana mitigasi dan memantau risiko.
- f. **Risiko:**
Kebarangkalian berlakunya peristiwa yang menjejaskan pencapaian objektif universiti dari segi kewangan, operasi, pematuhan, reputasi, strategik atau keselamatan.

6. Dasar Dan Rujukan Berkaitan

Asas penyediaan garis panduan ini:

- a. Polisi Pengurusan Risiko UMPSA;
- b. Pekeliling serta peraturan kewangan dan perolehan yang berkuat kuasa;
- c. Keperluan pematuhan undang-undang, peraturan, audit dan integriti yang berkaitan;
- d. Penandaarasan dengan universiti awam yang lain.

7. Prinsip Penilaian Risiko Awal (PRA)

PRA hendaklah:

- a. Objektif dan berasaskan maklumat sebenar serta dokumen sokongan yang berkaitan;
- b. Menilai kesan jangka pendek dan jangka panjang termasuk risiko limpahan kepada universiti;
- c. Mengambil kira risiko kepada universiti secara keseluruhan, bukan PTJ semata-mata;
- d. Didokumenkan, konsisten dan boleh diaudit;
- e. Membezakan antara andaian dan fakta serta menyatakan jurang maklumat jika ada.

8. Prosedur Penilaian Risiko Awal (PRA)

8.1 **PRT adalah WAJIB** dilaksanakan sekiranya terdapat arahan daripada Pengurusan Universiti atau Lembaga Pengarah UMPSA supaya penilaian risiko terperinci dibuat bagi sesuatu kertas kerja. Keperluan PRT berdasarkan arahan Pengurusan Universiti atau Lembaga Pengarah UMPSA adalah mengatasi keputusan skor Penilaian Risiko Awal dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.

8.2 **PRA merupakan proses saringan awal** untuk menentukan tahap sesuatu risiko dan melalui proses ini ianya dapat menentukan sama ada PRT diperlukan atau tidak. Proses saringan ini perlu dibuat dengan mengisi Borang Penilaian Risiko Awal. Pembuat kertas kerja perlu melengkapkan Borang PRA dengan mengisi maklumat seperti di **Lampiran A**. Langkah-langkah bagi proses tersebut adalah seperti berikut:


- a. **Langkah 1: Kategori Penilaian Awal Risiko dan Pemarkahan.**
Penilaian dibuat berdasarkan lima kategori: Komitmen Kewangan, Impak Strategik, Impak Operasi, Impak Reputasi dan Tahap Jalinan Kerjasama. Setiap kategori dinilai dengan menggunakan skala impak yang telah ditetapkan
- b. **Langkah 2: Skala Impak dan Bukti Sokongan.**
Setiap skor hendaklah disertakan justifikasi ringkas dan bukti sokongan.

- c. **Langkah 3: Pengiraan Skor Keseluruhan.**
Jumlah skor diperoleh dengan menjumlahkan skor bagi semua kategori.
- d. **Langkah 4: Penentuan Tahap Risiko dan Keperluan Tindakan**
 - i. Tahap risiko ditentukan berdasarkan jumlah skor dan peraturan *override*.
 - ii. Tahap risiko ditentukan berdasarkan skor keseluruhan dan peraturan berikut:
 - **Rendah:** Tiada PRT diperlukan.
 - **Sederhana:** Risiko dibawah pemantauan PTj
 - **Tinggi:** PRT adalah wajib

9. Peranan dan Tanggungjawab

- a. PTj bertanggungjawab melengkapkan PRA.
- b. UPR menyemak dan mengesahkan keperluan PRT.
- c. Sekretariat JKPU/LPU UMPSA memastikan pematuhan dokumentasi PRA sebagai sebahagian daripada keperluan pembentangan.

10. Carta Alir Penilaian Risiko Awal



Rajah 1 menunjukkan aliran proses PRA bagi kertas kerja yang dibentangkan kepada JKPU dan/atau LPU UMPSA. PRT hanya disemak oleh UPR apabila diwajibkan berdasarkan saringan awal.

11. Pemantauan Dan Semakan

Garis panduan ini hendaklah disemak apabila berlaku perubahan signifikan kepada dasar, peraturan atau profil risiko universiti.

Lampiran A

Borang Penilaian Risiko Awal (PRA) UMPSA

PTJ:		Tarikh:		No. Rujukan:	
Nama Staf:		Jawatan:		Emel/Telefon:	
Nama Aktiviti/Projek:					
Tempoh:					
Sumber Dana:					

KESAN PENILAIAN	1	2	3	4	Skor Dipilih	Justifikasi Ringkas	
Anggaran Komitmen Kewangan	< RM20,000	≥ RM20,000 – < RM50,000	≥ RM50,000 – < RM500,000	≥ RM500,000 ke atas	1	< RM20,000 - Nilai komitmen rendah dan dalam peruntukan sedia ada. Tiada kos berulang atau liabiliti tambahan yang ketara.	Jika ≥3 PRT WAJIB (override)
Impak kepada pencapaian objektif PTJ / Universiti	Tiada sumbangan	Kesan tidak langsung	Membantu sebahagian objektif	Sumbangan ketara objektif	1	Tidak memberi kesan kepada objektif strategik PTJ / universiti. Cadangan bersifat operasi atau rutin.	Jika ≥4 PRT WAJIB (override)
Impak kepada operasi PTJ / Universiti	Tiada / minimum	Proses baharu & latihan	Restruktur proses	Pindah staf/kontrak	1	Tiada gangguan operasi. Menggunakan proses dan sumber sedia ada.	Jika ≥4 PRT WAJIB (override)
Impak kepada reputasi PTJ / Universiti	Tiada kesan signifikan	Teguran kecil PTJ/Audit	Teguran signifikan	Teguran LPU/pihak luar	1	Pendedahan awam minimum dan risiko reputasi sangat rendah.	Jika ≥4 PRT WAJIB (override)
Tahap jalinan kerjasama	Dalam UMPSA	Pihak luar risiko rendah	Pihak luar berkontrak kompleks	Antarabangsa/Reputasi Tinggi	1	Tiada atau minimum penglibatan pihak luar. Kawalan sepenuhnya oleh UMPSA.	Jika ≥4 PRT WAJIB (override)
				JUMLAH KESELURUHAN	5		
				TAHAP IMPAK	Rendah		
				KEPERLUAN	Tiada PRT		
				KEPUTUSAN PRA	Tiada PRT		

NOTA : Jika "PRT WAJIB"*A18, kertas kerja hendaklah disertakan Penilaian Risiko Terperinci dan Pelan Mitigasi sebelum kelulusan muktamad.

MAKLUMAT PEMOHON & PENGESAHAN

Pemohon		Pengesahan	
Nama Pemohon:		Nama Ketua PTJ:	
Tandatangan Pemohon:		Tandatangan Ketua PTJ:	
Tarikh:		Tarikh:	

PENGESAHAN UNIT PENGURUSAN RISIKO (UPR) UMPSA

Nama Pegawai UPR:		Tandatangan:	
Tarikh:		Catatan UPR (jika perlu):	

NOTA:

- i) PRA = Penilaian Risiko Awal
 ii) PRT = Penilaian Risiko Terperinci
 iii) Syarat override (Khusus): Kewangan. Jika "Komitmen Kewangan" (Skor Dipilih) ≥ 3, maka keputusan PRA akan "OVERRIDE" dan PRT adalah wajib.
 iv) Syarat override (Khusus): Impak kepada Pencapaian Objektif, Operasi, Reputasi dan Jalinan Kerjasama, jika (Skor Dipilih) ≥ 4, maka keputusan PRA akan "OVERRIDE" dan PRT adalah wajib.
 v) Scoring Matrix PRA:

Jumlah Skor	Tahap Risiko
1 – 7	Rendah
8 – 14	Sederhana
15 – 20	Tinggi

vi) KEPUTUSAN PRA:

- Jika Keputusan PRA = Rendah: Tiada penilaian risiko terperinci diperlukan.
- Jika Keputusan PRA = Sederhana: Perlu pemantauan risiko dan perhatian PTJ.
- Jika Keputusan PRA = Tinggi: Penilaian risiko terperinci dan pelan mitigasi wajib sebelum kelulusan.

Tarikh Kemaskini: April 2026